

## UMS terus dapat pengiktirafan antarabangsa

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai sebuah pusat pengajian tinggi terbaik.

Naib Canselor UMS, Prof Tan Sri Dr Abu Hassan Othman, berkata pengiktirafan itu terbukti apabila terdapat kira-kira 18 negara menghantar pelajar mereka dalam jangka masa 10 tahun penubuhan UMS.

Pada masa ini, katanya, seramai 97 pelajar dari luar negara sedang mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang dan kepakaran di UMS, termasuk sebahagiannya dari beberapa negara maju.

"Kita amat bangga kerana UMS juga mempunyai keupayaan bersaing dengan universiti di luar negara dan ini sudah tentu meletakkan Malaysia sebagai negara dikagumi," katanya pada majlis makan malam dan penghargaan Pelajar Program Luar Kampus di sini malam kelmarin.

Sempena majlis itu diadakan upacara simbolik pemotongan kek bagi meraikan ulangtahun UMS ke-10 dan majlis konvokesyen ke-6. Seramai 19 pelajar menerima sijil penghargaan atas pencapaian cemerlang dalam akademik.



S  
UNIVERSITY OF MALAYSIA SABAH